# BANTUAN TAMBANG PENERBANGAN PELAJAR IPT

Yayasan Pendidikan MAIDAM

Sabah, Sarawak dan Luar Negara

## CARA DAN LANGKAH PERMOHONAN BANTUAN TAMBANG YPM

**01** GOOGLE – https://yp.maidam.gov.my/iptonline/

**02** SILA BACA DAHULU GARIS PANDUAN SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN

### Garis panduan pendaftaran Portal IPT

- Garis Panduan Pendaftaran Portal [PDF]
- Garis panduan bantuan [ Awal IPT dalam dan Luar Negara ]
- Garis Panduan Permohonan Bantuan Awal IPT [PDF] || Garis Panduan Pengisian Borang Bantuan Awal IPT [PDF]
- Garis panduan bantuan [ Tambang Penerbangan IPT ]
- Garis Panduan Permohonan Bantuan Tambang Penerbangan IPT [PDF] || Garis Panduan Pengisian Borang Bantuan Penerbangan IPT [PDF]
- Garis panduan bantuan [ IPT dalam dan Luar Negara ]
- Garis Panduan Permohonan Bantuan IPT [PDF] || Garis Panduan Pengisian Borang Bantuan IPT [PDF

KLIK DAFTAR MASUK – MASUKKAN NOMBOR IC DAN KATALALUAN







**04**
- KLIK PADA PERMOHONAN PADA PORTAL DI ATAS DAN KLIK PADA BANTUAN TAMBANG
- ISI BORANG PERMOHONAN BANTUAN TAMBANG

**05** KESEMUA DOKUMEN DIPERLUKAN :
- SCAN (SCAN DOKUMEN HARUSLAH GUNA PRINTER)
- UPLOAD (KESEMUA DOKUMEN HARUSLAH UPLOAD DI BORANG PERMOHONAN)
- PASTIKAN DOKUMEN 1MB SAHAJA

PERINGATAN !!!

PENGESAHAN DIPERLUKAN :

- PENGESAHAN PERMOHONAN BANTUAN/ AKUAN PENDAPATAN/AKUAN MASTAUTIN (MPKK)

- PASTIKAN NOMBOR TELEFON PEMOHON YANG AKTIF, DAN PASTIKAN SELALU SEMAK SMS

# ASNAF : IBNUSSABIL

# SYARAT-SYARAT :

a)Pemohon dan ibu bapa / penjaga adalah:

i.Rakyat negeri Terengganu yang menetap di negeri Terengganu sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum melanjutkan pelajaran atau,

ii.Pemastautin tetap di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran.

b)Beragama Islam, balighdan berakal.

c)Tidak mendapat apa-apa pinjaman / biasiswa / dermasiswa / dari mana-mana agensi atau hanya mendapat dermasiswa / bantuan Am pelajaran / terlibat dengan program tajaan khas Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) ketika sedang menuntut.

d)Layak dipertimbangkan sekali sahaja setelah tamat pengajian (kecuali terlibat dengan program tajaan khas Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

e)Tahap pengajian ialah Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja atau yang setaraf dengannya.

f)Tidak melibatkan bidangpengajian yang berkaitan industrihiburan.

g)Pertimbangan boleh dibuat bagi kes-kes tertentu terhadap pelajar yang terkandas dalam perjalanan sama ada disebabkan bencana, peperangan atau sebab-sebab lain yang bertepatan dengan hukum syarak.

h)Pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi dalam negara tidak dipertimbangkan kecuali yang menuntut di negeri Sabah dan Sarawak sahaja sekiranya berstatus persendirian atau yang mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sahaja.

i)Permohonan bantuan tidak dapat dipertimbangkan sekiranya ibu dan bapa pemohon yang bekerja di Negeri Terengganu tidak menunaikan zakat

sepenuhnya kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

j)Permohonan bantuan tidak boleh dipertimbangkan sekiranya pemohon melakukanperbuatan salah laku dalam apa jua cara pun ketika dalam tempoh pengajian.

k)Pendapatan kasar ibu dan bapa pelajar tidak melebihi RM20,000.00 sebulan bagi pengajian dalam dan luar negara.

# SENARAI DOKUMEN BANTUAN TAMBANG

**1**
Salinan sijil ijazah asal/ sementara (Syahadah Muaqqatah).

**2**
Salinan surat pengesahan tamat belajar dan pengesahan status pembiayaan pengajian sepanjang tempoh pengajian.

**3**
Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa/ penjaga dan adik beradik dalam tanggungan.

**4**
Salinan slip gaji/ akuan pendapatan/ penyata pencen terkini ibu bapa/ Penjaga.

**5**
Salinan asal tiket kapal terbang.

**6**
Surat pengesahan mastautin terkini bagi pemohon yang kelahiran luar Negeri Terengganu dan telah bermastautin di Negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.

**7**
Salinan sijil kematian/ cerai (jika berkaitan).

**8**
Slip permohonan. ( wajib cop pengesahan )

*Slip permohonan, surat akuan pendapatan dan surat akaun mastautin hendaklah menggunakan borang yang telah di sediakan oleh Yayasan Pendidikan MAIDAM.
Dokumen tersebut perlu di cetak dan disahkan oleh pihak yang berautoriti di kawasan berkenaan sahaja sama ada Amil Zakat/ Pengerusi Masjid/ JPKK/ dan Penghulu.